

27/06/2002

Masalah kewangan sekat pelajar Bumiputera ke IPTS

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 90 peratus pelajar Bumiputera yang memenuhi kelayakan akademik terpaksa menolak tawaran melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) kerana masalah kewangan.

Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM), Datuk Dr Ismail Md Salleh, menganggarkan kira-kira 10 peratus saja pelajar Bumiputera yang memenuhi syarat kelayakan akademik menerima tawaran untuk berbuat demikian.

Katanya, PKIBM menyambut baik jaminan kerajaan membantu pelajar yang kurang kemampuan tetapi ada kelayakan akademik melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Katanya, jaminan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap IPTS serta kesungguhannya memastikan pelajar Bumiputera yang berkelayakan terus berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

"Kami lega dengan jawapan (mengenai IPTS) yang diberikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini," katanya.

Ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan itu, Sabtu lalu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, kerajaan sebenarnya sanggup mengadakan dana mencukupi untuk membiayai pelajar Bumiputera memasuki IPTS.

Bagaimanapun, beliau menekankan perkara yang penting sebenarnya bukan jumlah wang, sebaliknya jumlah calon yang mempunyai kelayakan untuk berbuat demikian.

Baru-baru ini Pergerakan Pemuda Umno juga turut mengumumkan tabungan awal sebanyak RM1.5 juta bagi Dana Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Pemuda Umno yang ditubuhkannya untuk membantu meningkatkan jumlah pelajar Melayu di IPTS.

(END)